




CONFERENCE PROCEEDINGS

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON LOCAL KNOWLEDGE 2016 (ICLK) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Local Wisdom: Universal Heritage

27TH - 28TH JULY 2016
ST GILES WEMBLEY, PULAU PINANG, MALAYSIA

ORGANIZED BY



IN COLLABORATION WITH



Silat: Ilmu Gaduh yang Tidak Perlu Bergaduh

Abdul Majid Ismail

*Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia.
Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia.*

ABSTRAK

Silat ditakrifkan sebagai gerak bela diri orang Melayu. Orang silat kerap disalahertikan sebagai orang yang suka bergaduh atau “kaki pukul” kerana mereka ini belajar ilmu gaduh. Penulis sebagai pengamal dan pemimpin silat merungkaikan dan menjelaskan bahawa, hal ini berlaku kerana penggunaan metodologi pengajaran dan pembelajaran silat yang salah iaitu menyerang (attack) didahulukan sedangkan pelajaran membela diri (defence) dikemudiankan. Sepatutnya membela dirilah perlu didahulukan agar pelajar terdidik dengan sifat insan iaitu sabar dan tidak suka menceroboh. Sekiranya pelajaran menyerang didahulukan, ia akan menyebabkan pelajar terdidik dengan sifat buruk seperti ego dan suka menceroboh. Persepsi negatif ini juga berpunca pada kesilapan pihak media massa yang mempertontonkan filem dan drama dengan adegan silat secara negatif. Beberapa kes kejadian negatif dan terpencil yang menimpa ahli silat kerap disensasikan beritanya sehingga ia membentukkan persepsi umum yang salah terhadap silat. Ilmu silat yang sebenar (asli) dijelaskan oleh pengarang dari sudut ilmu perang atau pertarungan dengan mengambil contoh pelajaran dalam Seni Silat Cekak Malaysia. Ilmu silat Melayu yang asli sebenarnya dibentukkan berdasarkan peraturan agama Islam yang lebih menekankan konsep menjaga diri. Hal ini terbukti secara amali menerusi buah pelajaran silat itu sendiri. Dari sudut ilmu falsafah pula, terbukti dengan jelas bahawa silat Melayu menanamkan konsep pegangan hati yang kukuh, pergantungan sepenuh kepada Allah dan bersilat itu hanyalah sebagai usaha atau ikhtiar sahaja. Pendekatan silat sebenarnya telah berjaya menanamkan sifat mulia kepada para pengamalnya termasuklah sifat sabar, tidak sompong atau ego serta semangat jati diri serta bersedia mempertahankan dan membangunkan budaya warisan bangsanya. Dari sudut ilmu pendidikan pula, silat Melayu dibuktikan berupaya membentukkan akhlak mulia pemgamalnya termasuklah didikan mengenang jasa para guru, ibu dan bapa. Ia juga menanamkan sifat bersih hati, berintegriti (tidak rasuah), suka bermasyarakat, mensyukuri nikmat dan banyak lagi sifat positif seperti yang terangkum dalam elemen kemahiran insaniah. Diharapkan menerusi penjelasan ini persepsi negatif terhadap silat Melayu akan berubah kerana silat sebenarnya ialah ilmu gaduh tetapi pengamalnya dididik sehingga tahu akan keburukan bergaduh dan akhirnya tidak perlu bergaduh.

Kata kunci: Silat, gaduh, membela diri, menyerang, pelajaran silat, falsafah, pendidikan, akhlak

PENGENALAN

Silat ditakrifkan sebagai gerak bela diri orang Melayu (PSSCM, 2015). Bersilat lazimnya menggunakan anggota fizikal termasuklah dua tangan, dua kaki serta satu bukan fizikal iaitu akal yang dikurniakan Tuhan untuk mempertahankan diri atau menyerang (zahir dan batin). Lebih tepat lagi silat bermaksud sistem gerak tangkis, elak, makan (pukulan, sikuan, tumbukan, tikaman, hirisan dan tetakan) dan kuncian atau serangan yang digunakan untuk bertarung atau mempertahankan diri seorang pengamal silat (Ensiklopedia Sejarah & Kebudayaan Melayu, 1999). Oleh itu, dalam konteks yang lebih luas, silat merupakan ilmu pergaduhan, pertarungan atau peperangan orang Melayu. Istilah inilah yang kerap disalahertikan oleh orang kebanyakan (bukan pengamal silat) dengan mengaggap bahawa orang silat merupakan orang yang suka bergaduh atau “kaki pukul” kerana mereka ini belajar ilmu gaduh. Hal ini